

# 22 Oktober sebutan lanjut kes lelaki mengaku miliki Methamphetamine

**MIRI:** Mahkamah Sesyen menetapkan 22 Oktober ini untuk sebutan lanjut kes seorang lelaki yang mengaku bersalah atas tuduhan memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine.

Sehubungan itu, tertuduh diperintahkan dibebaskan dengan jaminan RM2,500 bersama seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Penetapan tarikh itu dibuat Majistret Ling Hui Chuan

dari Kuching menerusi sidang Zoom setelah membenarkan permohonan yang dikemukakan pegawai pendakwa ASP Koay Kok Ping.

Dalam permohonannya, Koay memberitahu bahawa kes disebut buat pertama kali dan laporan kimia berhubung barang kes masih belum siap, justeru memohon tarikh baharu untuk sebutan lanjut kes di Mahkamah Majistret Batu Niah.

Samsani Berudin, 45, dari

Kampung Kejapil, Bekenu, telah didakwa di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 12 (3) akta yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh bukan sebagai seorang yang diberi kuasa

di bawah ADB 1952 telah didakwa memiliki dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) seberat 0.26 gram.

Methamphetamine merupakan satu item yang terkandung di dalam Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 9.25 pagi, 14 Oktober lalu di tepi jalan Kampung Kejapil, Bekenu.